

4 MAR 1996

PERDANA MENTERI HADIRI MAJLIS HARI RAYA KSN (Dengan Gambar)

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri majlis Hari Raya Aidil Fitri di kediaman Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini.

Perdana Menteri yang tiba pukul 8.30 malam diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan mereka disambut oleh Ahmad Sarji dan isteri Puan Sri Sagiyah Salikin.

Menteri-menteri Kabinet, para diplomat asing, pegawai-pegawai kanan kerajaan, hakim dan juga tokoh korporat turut hadir pada majlis itu.

Antaranya ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Mazlan Ahmad, Ketua Pengarah SIRIM Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali serta tokoh korporat Tan Sri Azman Hashim dan Tan Sri Vincent Tan.

Majlis itu diserikan dengan persembahan Kumpulan Budaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan iringan Kombo RTM. -- BERNAMA

NJ NAK